

Temasya promosi khazanah warisan Melayu



Persembahan seni silat memantapkan program.



Dr Rais meluangkan masa melawat gerai pada Temasya Keris dan Budaya Warisan Melayu.

info

Temasya Keris dan Budaya Warisan Melayu

→ Berlangsung di Muzium Warisan Melayu UPM
→ Antara jenis keris dipamerkan:

- Keris Charita
- Keris Anak Alang Guling
- Keris Bugis Sepokal
- Keris Melayu Sumatera Luk 5
- Keris Bugis Luk 9
- Keris Bugis Luk 5
- Keris Sepokal Lurut
- Keris Sotong
- Keris Unduk-Unduk Luk Mayang
- Keris Pandai Saras Luk 9
- Keris Beko
- Keris Bugis Luk 3
- Keris Malela Luk 5
- Keris Chenok Luk 9
- Keris Pandai Saras
- Keris Malela Luk 3
- Keris Alang
- Keris Palembang Luk 5

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my
■ Serdang

Temasya Keris dan Budaya Warisan Melayu anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, baru-baru ini, adalah wadah tepat untuk mempromosikan khazanah bangsa agar terus dipelihara generasi pelapis.

Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata program itu turut menjadi medan penggalakan kajian berkaitan, selain membolehkan perubahan, pencinta dan pejuang warisan Melayu berkumpul di bawah satu bumbung.

"Program ini berupaya memberikan pendedahan, terutama kepada generasi muda, mengenai khazanah

bernilai masyarakat Melayu dan keunikan serta ketinggian peradaban bangsa.

Tiga komponen

"Ini dapat mengukuhkan jati diri dan kesedaran mereka untuk memelihara warisan supaya 'tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas'," katanya ketika berucap pada majlis perasmian temasya itu yang disempurnakan oleh Penasihat Sosiobudaya Kerajaan, Tan Sri Dr Rais Yatim.

Temasya tiga hari itu berlangsung meriah dengan pengisian utama yang dibahagikan kepada tiga komponen, iaitu akademik, kemahiran dan pameran, selain pelbagai aktiviti seperti pertandingan keris, sukan rakyat, persembahan tarian tradisional dan seni silat, serta jualan cenderahati dan produk kraf.

Komponen akademik memabatkan seminar

keris dan senjata Melayu yang membariskan panel terdiri daripada pakar bidang berkenaan.

Pameran khas

Melalui komponen kemahiran, pengunjung dapat menyaksikan demonstrasi menarik, termasuk pembuatan keris oleh empu keris tradisional yang dijemput khas, cara mengikat sampang dan permainan sundang. Komponen pameran pula menentang pameran dan jualan keris, aneka jenis senjata, busana serta aksesori pakaian tradisional.

Pameran khas 'Jejak Langkasuka' turut diadakan yang menampilkan koleksi hasil seni ukiran Adiguru Seni Ukiran Kayu Kebangsaan, Norhaiza Noordin, dan Allahyarham Nik Rashiddin, serta karya seni 'etching' oleh pelukis terkemuka, Ise Noor.



Keris Charita Keris Bugis Luk 9 Keris Bugis Sepokal



Keris Pandai Saras Luk 9 Keris Unduk-Unduk Luk Mayang



Keris Sotong Keris Anak Alang Guling Keris Bugis Luk 5



Keris Melayu Sumatera Luk 5 Keris Palembang Luk 5 Keris Chenok Luk 9 Keris Malela Luk 5 Keris Bugis Luk 3 Keris Sepokal Lurut Keris Beko